



**BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN SUKAN  
(BPS)  
JABATAN BELIA DAN  
SUKAN NEGARA  
(JBSN)**

# **VISI**

**MEMBUDAYAKAN SUKAN DI KALANGAN  
MASYARAKAT BAGI MEREALISASIKAN  
“NEGARA BERSUKAN”**

# **MISI**

**MENINGKATKAN PENYERTAAN RAMAI  
DAN MENERAPKAN AMALAN HIDUP  
AKTIF MELALUI AKTIVITI SUKAN  
UNTUK SEMUA SERTA  
MEMPERLUASKAN POTENSI BAKAT  
SUKAN**

# OBJEKTIF BPS:

- **MENINGKATKAN PENYERTAAN, MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN DALAM AKSESIBILITI KEMUDAHAN SUKAN KE ARAH KESEJAHTERAAN SERTA KESEPADUAN RAKYAT;**
- **MENGUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA ANTARA AGENSI DALAM PEMBANGUNAN SUKAN UNTUK SEMUA;**
- **MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN AMALAN BERSUKAN SERTA MEMPERKASAKAN PERSATUAN/PENGGERAK; DAN SUKAN**
- **MENERUSKAN KESINAMBUNGAN SUKAN (*SPORT CONTINUUM*) DENGAN MENYEDIAKAN PLATFORM PENYERLAHAN BAKAT SEBAGAI ASAS KUKUH KE ARAH KECERMELANGAN SUKAN NEGARA**

# EMPAT (4) CAWANGAN BPS:

1. CAW. PENGALAKKAN & PEMBANGUNAN SUKAN
2. CAW. KECERGASAN NASIONAL
3. CAW. PEMBANGUNAN SUKAN REKREASI
4. CAW. PEMBANGUNAN SUKAN OKU

# 1. FUNGSI CAWANGAN PENG GALAKKAN & PEMBANGUNAN SUKAN

- Merancang, melaksana dan **MENG GALAKKAN PENYERTAAN** masyarakat dalam program pembangunan Sukan Untuk Semua di peringkat akar umbi;
- **MEM PROMOSI DAN MEM PERKASAKAN** strategi pemasaran dan penajaan program- program Sukan Untuk Semua;
- Memberi **BIM BINGAN PENG URUSAN** organisasi kepada persatuan sukan dan menyelaraskan permohonan bantuan NGO; dan
- **MEN YELARAS LAPORAN/DATABASE** program, kemudahan sukan, dan prestasi Bahagian.

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- HARI SUKAN NEGARA
- BULAN SUKAN NEGARA 2019
- LIGA FIT MALAYSIA@LIGA SUKAN UNTUK SEMUA (LiSUS)
- FIT MALAYSIA @ PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)
- FIT MALAYSIA @ LUAR BANDAR
- KEM BAKAT BADMINTON
- PROGRAM PEMBANGUNAN BADMINTON
- PROGRAM BADMINTON EXCELLENT SPORT TALENT (BEST)
- PROGRAM SUKAN WANITA DAN VETERAN
- SUKAN TRADISIONAL
- PEMBANGUNAN SUKAN BARU-TEQBALL

## 2. FUNGSI CAWANGAN KECERGASAN NASIONAL

- **MENYEDIAKAN PROGRAM** dan aktiviti berteraskan kecergasan;
- Menyediakan **PELUANG LATIHAN** kepada penggerak kecergasan;
- **MENJALIN DAN MENYELARAS HUBUNGAN KERJASAMA** dengan pelbagai agensi, badan profesional, persatuan sukan dan pelbagai pihak berkaitan dengan kecergasan;
- **MENGGALAKKAN PENYERTAAN RAMAI** dalam setiap aktiviti dan program kecergasan; dan
- **MENYELARAS PENGURUSAN DAN OPERASI** Gimnasium 1Malaysia (G1M) seluruh Negara.

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- FITMALAYSIA
- FitMalaysia@Bulan Sukan Negara.
- Program Mini Fit Malaysia
- FIT KBS 2019
- Karnival Kecergasan 2019
- Program Seminar Kecergasan Eksekutif Pegawai Kanan KBS
- Aerobic Course Level 1
- Kursus Instruktur Kecergasan Senamrobik Tahap 2
- Kursus Instruktur Kecergasan Senamrobik Tahap 3
- Bengkel Lanjutan Pemurnian Program Kecergasan
- Train Of Trainers Refresher Course
- Kursus Sains Sukan Tahap I

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- Program Pembangunan Gimnasium 1Malaysia
- Program Gym For Fit
- Kursus Komisar Kebangsaan Tahun 2020
- Kursus Koreografi Aerobik KBS 2020
- Kursus Variasi Senamrobik 2020
- FitMalaysia Virtual Run 2020
- FitMalaysia@Community
- Program Fitness Together 2020
- Jom Aerofit @ JBS
- Kursus Instruktur Kecergasan Gimnasium KBS Tahap 1
- Kursus Kejurulatihan dan Pengadilan Program Kecergasan
- Program Kursus Refresher Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) Tahap 1
- Kursus Ujian Kecergasan Jasmani kebangsaan (UKJK) Tahap 2
- Program Let's Get Fit@KBS
- Program KBS MYFit@Home - Edisi PKP

### 3. FUNGSI CAWANGAN PEMBANGUNAN SUKAN REKREASI

- **MENYEDIAKAN PROGRAM** dan peluang latihan kepada penggiat rekreasi, sukan ekstrem dan sukan bermotor;
- **MEMPROMOSI PROGRAM** dan aktiviti berteraskan sukan rekreasi, sukan ekstrem dan sukan bermotor;
- **MENJALIN DAN MENYELARAS HUBUNGAN KERJASAMA** dengan pelbagai agensi, badan profesional, persatuan sukan dan pelbagai pihak berkaitan dengan pembangunan sukan rekreasi, sukan ekstrem dan sukan bermotor;

## **PENGENALAN**

Rekreasi ialah aktiviti masa lapang, masa lapang yang menjadi masa budi bicara. "Keperluan melakukan sesuatu untuk rekreasi" ialah unsur penting dalam biologi dan psikologi manusia. Aktiviti rekreasi sering dilakukan untuk keseronokan, hiburan, atau kepuasan dan dianggap "menyeronokkan".

## **DEFINISI REKREASI**

Aktiviti yang terancang yang dilakukan untuk memenuhi masa lapang bukan untuk tujuan pertandingan tetapi untuk memperolehi keseronokan, ketenangan minda dan merehatkan badan.

Rekreasi terbahagi kepada 2 iaitu:

i) Rekreasi dalam (in-door): aktiviti yang dilakukan di dalam sesuatu tempat yang tidak terdedah kepada cahaya.

contoh : badminton, squash, boling

ii) Rekreasi luar (out-door): aktiviti luar di mana aktiviti tersebut dijalankan di luar dan terdedah kepada cahaya matahari.

contoh:abseiling, bola sepak, perkhemahan

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- Ekspedisi dan Eksplorasi Alam yang melibatkan hutan, gunung, laut, sungai, muara, gua dan lain lain
- Kursus Rekreasi Luar (OUTREC) Tahap I, II dan III
- Kursus Asas Perkhemahan
- Kursus Asas Teknikal Sukan Mendaki Tembok Tiruan
- Kejohanan Sukan Mendaki Peringkat Negeri dan Kebangsaan
- Kursus Orienteering
- Eco Race
- Trail Run

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- Kursus Menyelamat di Air
- Karnival Sukan Air
- Kursus Kayak Star I, II dan III
- Klinik White Water Rafting
- Kursus Selam Skuba (Open Water dan Advance)

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- ❑ Klinik Mountain Bike & Push Bike
- ❑ Kejohanan X Games Peringkat Negeri & Kebangsaan
- ❑ Klinik In Line Skate/Skateboard/BMX

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- ❑ KBS Motorcross Championship.  
CHAMPIONSHIP
- ❑ Klinik Go Kart KBS
- ❑ Kursus Marshall KBS
- ❑ Klinik Pocket Bike KBS
- ❑ Le Tour de Langkawi (Ltdl)
- ❑ Maklumat am sukan permotoran

## 4. FUNGSI CAWANGAN PEMBANGUNAN SUKAN OKU

- Merangka, melaksana dan **MENYELARAS PROGRAM** berteraskan pembangunan sukan OKU;
- **MENJALIN DAN MENYELARAS HUBUNGAN KERJASAMA** dengan pelbagai agensi, badan profesional, persatuan sukan dan pelbagai pihak berkaitan dengan pembangunan sukan OKU;
- **MENINGKATKAN KESEDARAN**, menarik minat golongan OKU bersukan dan berekreasi; dan
- Menyediakan **PELUANG LATIHAN** kepada Penggerak sukan OKU.

# 1. MAJLIS PARALIMPIK MALAYSIA

## Pengenalan

Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) ditubuhkan pada tahun 1989 sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk mempromosikan pembangunan sukan para untuk warga OKU Malaysia. Di dalam Akta Pembangunan Sukan (Dipinda) 2018, Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) telah diberi kepercayaan untuk memberi ruang serta peluang kepada atlet para Malaysia untuk menyertai pertandingan sukan samada di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) mendapat sokongan sepenuhnya dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM).

## Objektif

- i. Menguruskan pembangunan dan pergerakan Sukan Para di peringkat kebangsaan.
- ii. Meningkatkan sistem sokongan dan penyertaan di dalam Sukan Para.
- iii. Untuk membangunkan modal insan dikalangan atlet, jurulatih, pegawai teknikal & pentadbir sukan.
- iv. Menjaga hubungan dengan pihak berkepentingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- v. Memberi tumpuan kepada Pembangunan Sukan Paralimpik
- vi. Menyediakan sistem sokongan untuk personaliti sukan orang kurang upaya.

## **Peta Strategik**

### **Visi**

Menghormati Atlet Luar Biasa

### **Misi**

Meningkatkan keupayaan atlet OKU negara bagi membolehkan mereka cemerlang di pentas dunia

### **Matlamat - Strategik**

(Bidang Hasil Utama)

- i. Mempromosikan Sukan Para sebagai acara sukan perdana
- ii. Memperkasakan personel Sukan Para
- iii. Meningkatkan pengiktirafan jenama Sukan Para

## **Objektif Strategik**

(Petunjuk Prestasi Utama)

- i. Manfaatkan melalui rangkaian pihak yang kepentingan di dalam Sukan Para.
- ii. Menyediakan laluan ke podium
- iii. Memperhatikan etika kesukanan
- iv. Menerapkan visi jenama untuk jangkamasa yang panjang
- v. Membangunkan kesedaran dan pengiktirafan terhadap visi Sukan Para

## **Nilai Teras**

- i. Keberanian
- ii. Keazaman
- iii. Inspirasi
- iv. Kesaksamaan

# 2. KEJOHANAN SUKAN PARALIMPIAD

## LATAR BELAKANG

- i. Kejohanan ini mula dilaksanakan pada tahun 1982 di Kuala Lumpur dan sehingga tahun 1996 ia di kenali sebagai **Sukan Kebangsaan Bagi Orang Cacat Anggota Malaysia** yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- ii. Pada tahun 1998, ia dijenamakan sebagai **Sukan Paralimpiad Malaysia**. Kementerian Belia dan Sukan Selepas pelaksanaan Sukan Paralimpiad Malaysia ke-18, pada tahun 2018 nama kejohanan ini ditukar kepada **Para Sukma XIX** bagi memudahkan pihak Majlis Sukan Negara untuk mengambil alih persediaan bagi pengurusan kejohanan bagi kedua – dua jenis sukan.
- iii. Para Sukma adalah satu kejohanan sukan yang amat penting bagi atlet OKU negeri untuk menyerlahkan potensi diri untuk menjadi atlet pelapis kebangsaan.
- iv. Kejohanan Para Sukma merupakan satu kejohanan **dwi tahunan** yang dilaksanakan setelah selesainya pelaksanaan Sukan Malaysia (SUKMA). Sukan ini khusus kepada golongan atlet OKU dari setiap negeri dan satu kejohanan yang berprestij dalam kalangan atlet OKU.

## OBJEKTIF

- i. Menjadi platform untuk mencungkil atlet OKU bagi diketengahkan sebagai pelapis atlet Paralimpik Negara.
- ii. Memupuk semangat berdaya saing yang sihat melalui pertandingan sukan.
- iii. Memupuk perpaduan dan semangat kesukanan tanpa mengira batas fizikal, bangsa dan agama.

Memberi pengiktirafan kepada atlet OKU yang terlibat secara aktif di dalam bidang sukan

## KONSEP PELAKSANAAN

### 1.1 Jangka Masa

Pelaksanaan Para Sukma dilaksanakan selama 6 hingga 7 hari mengikut pengisian program / aktiviti sewaktu kejohanan berlangsung.

### 1.2 Penyertaan

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua wargangera malaysia dari golongan OKU yang terdiri daripada atlet OKU Fizikal, OKU Penglihatan, Masalah Pembelajaran, OKU Pertuturan dan OKU lain-lain / Pelbagai .
- ii. Syarat umur peserta adalah 14 tahun dan ke atas pada tarikh / tahun kejohanan berlangsung.
- iii. Penyertaan perlu melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Anggaran peserta adalah seramai 2000 orang (anggaran purata).

### 1.3 Kerjasama Pelbagai Agensi

Kementerian mengelolakan Sukan Paralimpiad Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Majlis Paralimpik Malaysia, Pertubuhan Sukan, serta badan korporat dan swasta.

## 1.1 Pengisian Program/Aktiviti

Kategori kecacatan yang terlibat di dalam kejohanan Sukan Paralimpiad Malaysia:

<b>NO</b>	<b>JENIS KECACATAN</b>	<b>KOD KATEGORI</b>
1	OKU Anggota (Amputees & Les Autres)	PI
2	OKU Penglihatan (Visually Impaired)	VI
3	Spastik (Cerebral Pased)	CP
4	OKU Akal (Intellectual Disabled)	ID
5	Berkerusi Roda	WC

Jenis Sukan yang dipertandingkan bergantung kepada tuan rumah yang melaksanakan kejohanan pada tahun tersebut, namun biasanya sukan teras yang wajib dipertandingkan adalah olahraga, renang, memanah, ping pong, powerlifting dan badminton.

# 3. PESRON ( PERSATUAN SUKAN DAN REKREASI ORANG KURANG UPAYA NEGERI )

## OBJEKTIF DAN MATLAMAT

- 1.0 Untuk mengutamakan penyertaan penuh, menggalak dan membangunkan sukan Orang Kurang Upaya di peringkat daerah dan negeri.
- 2.0 Untuk mengekalkan hubungan dan kedudukan yang baik dengan semua badan pengelola dan pengawalseliaan antarabangsa dan kebangsaan bagi sukan Orang Kurang Upaya.
- 3.0 Untuk memastikan prosedur pemilihan bagi ahli sukan, pegawai, jurulatih dan mana-mana orang lain untuk mewakili Negeri dalam sukan Orang Kurang Upaya adalah terbuka dan adil.
- 4.0 Untuk mewakili Negeri Selangor dalam mana-mana pertandingan sukan Orang Kurang Upaya.
- 5.0 Untuk memastikan akaun teraudit sepenuhnya serta laporan tentang segala aktiviti, penggunaan dan perbelanjaan semua wangnya bagi tahun kewangan Persatuan yang sebelumnya, dikemukakan kepada Pesuruhjaya Sukan berserta dengan apa-apa laporan lain yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Sukan.

- 6.0 Untuk memastikan bahawa Perlembagaan dan kaedah-kaedah Persatuan dipatuhi dan diikuti oleh semua ahli.
- 7.0 Menjalankan sebarang kegiatan amal atau sebarang jenis perniagaan untuk tujuan menambah kewangan Persatuan, asalkan tidak bercanggah dengan undang-undang negara.
- 8.0 Untuk menjalankan aktiviti tanpa diskriminasi tentang jantina, ras, warna kulit, agama, asal-usul, bahasa, kecenderungan politik atau apa-apa pandangan lain yang dipegang oleh anggota.
- 9.0 Persatuan boleh menubuhkan Badan Perniagaan dan boleh memiliki harta benda dengan syarat keuntungan hendaklah dimasukkan dalam Tabung Kewangan Persatuan.
- 10.0 Untuk mempromosi sukan pelancongan Orang Kurang Upaya.

- Merupakan Persatuan gabungan kerjasama di antara daerah dan peringkat negeri bagi menyelaraskan Sukan dan Rekreasi bagi Orang Kurang Upaya yang menjalankan aktiviti sukan dalam kalangan OKU di peringkat negeri.
- Terdapat 15 negeri untuk menyelaraskan sukan Orang Kurang Upaya.  
15 Negeri yang menyertai PESRON:

1. Persatuan Sukan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri :

- a. Perlis (PESRON Perlis)
- b. Kedah (PESRON Kedah)
- c. Pulau Pinang (PESRON Pulau Pinang)
- d. Perak (PESRON Perak)
- e. Selangor (PESRON Selangor)
- f. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PESRON WP Kuala Lumpur)
- g. Negeri Sembilan (PESRON Negeri Sembilan)
- h. Melaka (PESRON Melaka)
- i. Johor (PESRON Johor)
- j. Kelantan (PESRON Kelantan)
- k. Terengganu (PESRON Terengganu)
- l. Sabah (PESRON Sabah)
- m. Sarawak (PESRON Sarawak)
- n. Wilayah Persekutuan Labuan (PESRON WP Labuan)

## 4. MASROM (PERSATUAN SUKAN DAN REKREASI ORANG KURANG UPAYA MALAYSIA )

Merupakan Persatuan Kebangsaan gabungan daripada 15 Persatuan Sukan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri

## FUNGSI PERSATUAN:

- i. Bertindak sebagai badan penyelaras di peringkat kebangsaan bagi sukan dan rekreasi OKU;
- ii. Membangun, mengendali, mempromosi dan mengurus sukan dan rekreasi OKU di Malaysia;
- iii. Mentafsir dan melaksana peraturan dan undang-undang melalui kuasa, tugas dan hak yang diperuntukkan oleh badan sukan ini di peringkat antarabangsa;
- iv. Mewujudkan kesedaran ke atas kepentingan peraturan dan undang-undang sukan dan rekreasi OKU di kalangan ahli yang terbabit;
- v. Mengendalikan kursus, latihan, pembangunan atlet, kejurulatihan, kepegawaian dan sukarelawan;
- vi. Menganjur atau membantu penganjuran dan menjadi tuan rumah pertandingan bagi sukan dan rekreasi OKU di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- vii. Menyelesaikan apa-apa isu atau konflik yang melibatkan ahli-ahlinya termasuk pegawai dan pernegang jawatan dalam persatuan;

- i. Mengekalkan hubungan baik dan kedudukan baik dengan badan antarabangsa dan badan-badan sukan atau agensi di peringkat kebangsaan;
- ii. Memastikan prosedur pemitihan bagi ahli sukan, pegawai, jurulatih dan mana-mana orang untuk mewakili negara dalam sukan dan rekreasi OKU adalah terbuka dan adil;
- iii. Memastikan setiap program dan aktiviti dilaksanakan berlandaskan pertembagaan ini dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- iv. Memastikan bahawa perlembagaan dan peraturan persatuan dipatuhi oleh semua ahli;
- v. Memastikan laporan aktiviti dan akaun kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan sebelumnya disediakan;
- vi. memastikan kegiatan amal atau perniagaan yang dijalankan bagi menambah kewangan persatuan tidak bercanggah dengan undang-undang negara; dan
- vii. Memastikan semua keuntungan yang diperolehi oleh Persatuan melalui apa-apa perniagaan atau pelaburan akan digunakan semata-mata untuk meningkatkan, memajukan dan menjalankan objektif dan matlamat Persatuan Ini. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang pembayaran gaji atau perbelanjaan kepada ahli atau pekerja persatuan ini. Persatuan juga boleh menubuhkan badan perniagaan dan boleh memiliki harta benda dengan syarat keuntungan hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung Kewangan Persatuan.

## OBJEKTIF

- i. Untuk membangun, menggalak dan mempromosi sukan dan rekreasi OKU di seluruh negara;
- ii. Untuk merancang dan membangunkan atlet, pegawai, jurulatih dan mencungkil bakat-bakat baru;
- iii. Untuk memilih atlet bagi mewakili negara dalam mana-mana pertandingan sukan dan rekreasi OKU peringkat antarabangsa;
- iv. Untuk bergabung dengan badan pengetola peringkat kebangsaan;
- v. Untuk menggalakkan pembangunan sukan dan rekreasi OKU di peringkat akar umbi melalui penubuhan / penerimaan ahli gabungan peringkat negeri.

# 5. KEJOHANAN SUKAN OKU

Terdiri daripada Kejohanan Kebangsaan dan Antarbangsa.

Kebangsaan:

- **Para Sukma** – Diadakan secara Dwi Tahunan selepas pelaksanaan Sukan Malaysia (SUKMA)
- Penyertaan oleh 15 Negeri yang terdiri daripada 15 kontinjen

Antarangbangsa:

- **SUKAN PARA ASEAN** - merupakan sebuah acara beraneka Sukan yang diadakan selepas setiap Sukan Asia Tenggara secara dwi-tahunan dan melibatkan atlet kurang upaya dari 11 negara Asia Tenggara. Atlet yang menyertai mempunyai pelbagai jenis kecacatan termasuk spastik, lumpuh otak, kecacatan pergerakan, kecacatan penglihatan, kecacatan anggota dan kecacatan intelektual. Sukan Para ASEAN dikawal selia oleh Persekutuan Sukan Para ASEAN (APSF, ASEAN Para Sports Federation) dan dipantau oleh Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC) dan Jawatankuasa Paralimpik Asia dan secara tradisinya dianjurkan oleh negara yang mengadakan Sukan Asia Tenggara

- Negara yang menyertai:

<b>No</b>	<b>Nama rasmi</b>
1	Republik Indonesia
2	Kerajaan Kemboja
3	Negara Brunei Darussalam
4	Republik Demokratik Rakyat Laos
5	Persekutuan Malaysia
6	Republik Kesatuan Myanmar
7	Republik Filipina
8	Republik Singapura
9	Kerajaan Thailand
10	Republik Demokratik Timor-Leste
11	Republik Sosialis Vietnam

- **Sukan Paralympik (Paralympic)** - Sukan Paralimpik adalah sebuah temasya aneka sukan antarabangsa terulung yang melibatkan atlet-atlet yang mengalami pelbagai kekurangan upaya fizikal mahupun mental, termasuk yang lumpuh, kudung, buta, mahupun palsi serebrum diadakan 4 tahun sekali.

- Negara penganjur:

Tahun	Summer Paralympic Games	
	Edisi	Negara Penganjur
1960	1	Itali, Rome
1964	2	Jepun, Tokyo
1968	3	Israel, Tel Aviv
1972	4	German, Heidelberg
1976	5	Canada, Toronto
1980	6	Netherlands, Arnhem
1984	7	Republik Amerika, New York, England, Stoke Mandeville
1988	8	Korea Selatan, Seoul
1992	9	Sepanyol, Barcelona & Madrid <sup>[95]</sup>
1996	10	Amerika Syarikta, Atlanta
2000	11	Australia, Sydney
2004	12	Greece, Athens
2008	13	Republik China, Beijing
2012	14	England, London
2016	15	Barzil, Rio de Janeiro
2021	16	Jepun, Tokyo**
2024	17	Perancis, Paris
2028	18	Amerika Syarikat, Los Angeles

\*\* Tahun 2020 ditangguhkan kepada tahun 2021 kerana pandemic COVID-19.

# PROGRAM/AKTIVITI CAWANGAN:

- Program I TALENT
- Program I TRAIN

# Sumber Rujukan:

- ❑ Dasar Sukan Negara 2009
- ❑ Pelan Strategik KBS 2016–2020

**TERIMA KASIH**

